



31 Oktober 2025
31 October 2025
P.U. (B) 389

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD NEGATIF
PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN
IMPORT PRODUK GULUNGAN RATA BESI ALOI ATAU KELULI
BUKAN ALOI, DISADUR ATAU DISALUT DENGAN ZINK,
MENGUNAKAN PROSES CELUPAN PANAS (GEGELUNG/
KEPINGAN BESI BERGALVANI ATAU GEGELUNG/KEPINGAN
KELULI BERGALVANI) YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI
REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

*NOTICE OF NEGATIVE FINAL DETERMINATION OF
AN ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION WITH REGARD TO
IMPORTS OF FLAT-ROLLED PRODUCTS OF IRON ALLOY OR
NON-ALLOY STEEL, PLATED OR COATED WITH ZINC, USING HOT
DIP PROCESS (GALVANISED IRON COILS/SHEETS OR
GALVANISED STEEL COILS/SHEETS) ORIGINATED OR
EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA AND
THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD NEGATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT PRODUK GULUNGAN RATA BESI ALOI ATAU KELULI BUKAN ALOI, DISADUR ATAU DISALUT DENGAN ZINK, MENGGUNAKAN PROSES CELUPAN PANAS (GEGELUNG/KEPINGAN BESI BERGALVANI ATAU GEGELUNG/KEPINGAN KELULI BERGALVANI) YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

(AD 01/25)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 25(3)(c) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 15 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad di bawah subseksyen 25(1) Akta bahawa margin lambakan *de minimis* wujud berkenaan dengan import produk gulungan rata besi aloi atau keluli bukan aloi, disadur atau disalut dengan zink, menggunakan proses celupan panas (gegelung/kepingan besi bergalvani atau gegelung/kepingan keluli bergalvani) yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (“Kod H.S.”) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (“AHTN”) 7210.49.11 00, 7210.49.17 00, 7210.49.18 00, 7210.49.19 00, 7210.49.91 00, 7210.49.99 00, 7212.30.11 00, 7212.30.12 00, 7212.30.13 00, 7212.30.14 00, 7212.30.19 00, 7212.30.90 00, 7225.92.90 00, 7225.99.90 00, 7226.99.11 00, 7226.99.19 00, 7226.99.91 00 dan 7226.99.99 00 yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China dan Republik Sosialis Viet Nam (“dagangan subjek”) oleh pengeluar atau pengeksport yang dinyatakan dalam Jadual.

Sebab bagi penentuan muktamad negatif

2. Sebab bagi penentuan muktamad negatif ialah margin lambakan dagangan subjek adalah *de minimis*.

Penamatan penyiasatan

3. Menurut kuasa yang diberikan di bawah perenggan 25(3)(a) dan (b) Akta, Kerajaan akan—

- (a) menamatkan penyiasatan duti anti-lambakan berkenaan dengan dagangan subjek yang dieksport oleh pengeluar atau pengeksport yang dinyatakan dalam Jadual ke dalam Malaysia; dan
- (b) menamatkan apa-apa langkah sementara yang terpakai dalam bentuk duti anti-lambakan sementara yang dikenakan terhadap pengeluar atau pengeksport yang dinyatakan dalam Jadual ke dalam Malaysia dan melepaskan cagaran yang dikehendaki oleh langkah sementara itu.

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF NEGATIVE FINAL DETERMINATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY
 INVESTIGATION WITH REGARD TO IMPORTS OF FLAT-ROLLED PRODUCTS OF
 IRON ALLOY OR NON-ALLOY STEEL, PLATED OR COATED WITH ZINC, USING HOT DIP
 PROCESS (GALVANISED IRON COILS/SHEETS OR GALVANISED STEEL COILS/SHEETS)
 ORIGINATED OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA AND
 THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM

(AD 01/25)

IN exercise of the powers conferred by paragraph 25(3)(c) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and regulation 15 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], the Government has made a final determination under subsection 25(1) of the Act that *de minimis* dumping margin exists with regard to the imports of flat-rolled products of iron alloy or non-alloy steel, plated or coated with zinc, using hot dip process (galvanised iron coils/sheets or galvanised steel coils/sheets) classified under the Harmonised System Code ("H.S. Code") and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature ("AHTN") 7210.49.11 00, 7210.49.17 00, 7210.49.18 00, 7210.49.19 00, 7210.49.91 00, 7210.49.99 00, 7212.30.11 00, 7212.30.12 00, 7212.30.13 00, 7212.30.14 00, 7212.30.19 00, 7212.30.90 00, 7225.92.90 00, 7225.99.90 00, 7226.99.11 00, 7226.99.19 00, 7226.99.91 00 and 7226.99.99 00 originated or exported from the People's Republic of China and the Socialist Republic of Viet Nam ("subject merchandise") into Malaysia by the producers or exporters specified in the Schedule.

Reasons for negative final determination

2. The reason for the negative final determination is that the dumping margin with regard to the subject merchandise is *de minimis*.

Termination of investigation

3. In exercise of the power conferred by paragraphs 25(3)(a) and (b) of the Act, the Government shall—

- (a) terminate the anti-dumping duty investigation with regard to the subject merchandise exported by the producers or exporters specified in the Schedule into Malaysia; and
- (b) terminate any provisional measures applied in the form of provisional anti-dumping duties imposed on the producers or exporters specified in the Schedule into Malaysia and release the security required by such measures.

JADUAL/*SCHEDULE*
[Perenggan 1 dan 3/*Paragraphs 1 and 3*]

PENGELUAR ATAU PENGESKSPORT/
PRODUCERS OR EXPORTERS

Negara/ <i>Country</i>	Pengeluar atau Pengeksport/ <i>Producers or Exporters</i>
Republik Rakyat China/ <i>The People's Republic of China</i>	Baoshan Iron & Steel Co., Ltd.
	Beijing Shougang Cold Rolling Co., Ltd.
	Fujian Kaijing Greentech Material Co., Ltd.
Republik Sosialis Viet Nam/ <i>The Socialist Republic of Viet Nam</i>	Hoa Phat Steel Sheet Limited Liability Company
	Hoa Sen Group
	Nam Kim Steel Joint Stock Company
	Ton Dong A Corporation

Bertarikh 24 Oktober 2025
Dated 24 October 2025
[MITI.S.600-2/2/48; PN(PU2)529/JLD.34]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
*Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri/
Minister of Investment, Trade and Industry*